

19/06/11 (ahad) sinar (sentral) ms: P2

Makmal Berpusat rancak industri

KUANTAN - Langkah Universiti Malaysia Pahang (UMP) mewujudkan makmal berpusat dilihat sebagai satu langkah ke hadapan dan membantu merancang pembangunan industri berteknologi tinggi bagi produk makanan halal, bioteknologi, pusat maklumat dan teknologi komunikasi (ICT) serta pusat teknologi pertanian di negara ini, dengan kedudukan strategik di Taman Teknologi Gambang dekat sini.

Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Sains, Teknologi dan Inovasi Pahang, Datuk Mohd. Sharkar Shamsudin berkata, makmal yang dilengkapi teknologi canggih itu mampu melakukan pengujian terhadap bahan kimia, bioteknologi, dan bahan mineral untuk kegunaan industri termasuk mengesan kualiti air, keselamatan makanan, ubat-ubatan dan produk kecantikan.

"Kemudahan seumpama ini yang pertama diwujudkan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bakal memberi manfaat bukan sahaja kepada UMP sendiri malah kepada pemain industri untuk melakukan penyelidikan berkaitan,"katanya.

Mohd Sharkar berkata, langkah UMP bekerja sama dengan ITT dan MOPI dalam bidang industri farmaseutikal yang masih baru di negara ini mampu melahirkan lebih ramai jurutera dan pakar teknologi mahir untuk bersaing dalam pasaran kerja pada masa akan datang.